

## OBJEKTIF

### OBJEKTIF UMUM

\* Untuk menyeragam, menyelaraskan proses permohonan yang diterima daripada Pihak majikan (Agensi Kerajaan, Swasta & Badan Berkanun)

### OBJEKTIF KHUSUS

\* Untuk memperkukuhkan tatacara proses penubuhan Syarat dan keperluan serta komposisi Ahli Lembaga Perubatan.

\* Untuk mempercepatkan tempoh masa keseluruhan proses Pengurusan Lembaga Perubatan bagi memudahkan pelanggan.

\* Untuk menyenaraikan akta, perintah am, pekeliling dan memperincikan dokumen-dokumen rujukan lain yang berkaitan

### PIAGAM PELANGGAN

\* Laporan Lembaga Perubatan akan di keluarkan dalam masa 6 minggu dari tarikh penerimaan permohonan lengkap



**UNIT REKOD PERUBATAN**

**JABATAN KESIHATAN NEGERI**



Phone: 04- 7741000 / 7741125



Fax : 04-7741008



E-mail : jknkedah@moh.gov.my



**JABATAN KESIHATAN  
NEGERI KEDAH**

**UNIT REKOD PERUBATAN**

**TATACARA PERMOHONAN  
PENUBUHAN LEMBAGA  
PERUBATAN DI JABATAN  
KESIHATAN NEGERI  
KEDAH DAN HOSPITAL-  
HOSPITAL KEMENTERIAN  
KESIHATAN MALAYSIA**



## PERMOHONAN LEMBAGA PERUBATAN

Semua Permohonan Lembaga Perubatan mestilah melalui Pengarah Kesihatan Negeri & Tim Pengarah Kesihatan (Perubatan) Negeri Kedah

## SEBAB-SEBAB YANG BOLEH DITUBUHKAN LEMBAGA PERUBATAN

1. Apabila pada tiap-tiap tahun dalam masa tiga (3) tahun yang berturut-turut pegawai itu telah bercuti sakit sebanyak 45 hari atau lebih
2. Apabila seseorang pegawai di dapati tidak sihat setelah menghabiskan semua cuti-cuti sakit biasanya
3. Apabila seorang Pegawai Perubatan berpendapat bahawa tiada harapan untuk pegawai menjadi sihat untuk bertugas
4. Apabila kesiuman otak atau kesihatan badan pegawai di ragui
5. Apabila pegawai telah tercedera / mengalami penyakit khidmat semasa bertugas (skim Ex-Gratia bg menentukan peratus hilang upaya kekal HUK)
6. Apabila pegawai disahkan mengidap penyakit tibi,kusta atau barah.
7. Apabila pegawai atau keluarga perlu diperiksa utk mendapatkan rawatan luar Negeri kerana tiada rawatan sedemikian di Negara ini

## DOKUMEN YANG DIPERLUKAN SEMASA PERMOHONAN

- Permohonan Penubuhan Lembaga Perubatan – Lampiran 'A' P.P.10/1995(Laporan Lembaga Perubatan mengenai Persaraan Atas sebab Kesihatan di bawah Seksyen 10(5)(a) Akta Pencen 1980 (Akta 227)
- Laporan Perubatan terkini
- Senarai tugas
- Ringkasan laporan prestasi terkini majikan
- Kenyataan perkhidmatan
- Kenyataan Cuti / cuti sakit
- Bayaran jika berkaitan
- Salinan kad pengenalan pesakit
- Semua dokumen hendaklah disahkan oleh Ketua Jabatan

## BAYARAN LEMBAGA PERUBATAN

1. Jumlah bayaran adalah RM200.00 berdasarkan kepada akta Fi (Perubatan) (pindaan) 2003 bagi agensi swasta
2. Bayaran di alamatkan kepada JKN (Pengarah Kesihatan Negeri dengan menggunakan Cek / Wang Pos/Kiriman Wang atas nama Pengarah Hospital di mana Lembaga Perubatan di tubuhkan.
3. Jika bayaran dibuar secara tunai di Hospital mohon kemukakan resit asal kepada JKN sebagai bukti bayaran

## PERSIDANGAN LEMBAGA PERUBATAN

1. Pesakit perlu hadir semasa persidangan. Walaubagaimanapun bagi kes-kes tertentu Lembaga boleh mengecualikan pesakit untuk hadir
2. Ahli Lembaga Perubatan boleh mendapatkan maklumat tambahan daripada
  - i. Pegawai Perubatan yg merawat
  - ii. Majikan atau wakil
  - iii. Ahli keluarga